

15 OCT 2003

Mahkamah-Khalid

SAYA B/JAWAB DEDAHKAN KEBURUKAN PERI LAKU ANWAR, KHALID

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Penulis buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Menjadi Perdana Menteri" (50 Dalil), Abdul Khalid @ Khalid Jafri Bakar Shah hari ini memberitahu Mahkamah Sesyen di sini bahawa dia bertanggungjawab mendedahkan keburukan peri laku Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Khalid Jafri yang membela diri atas tuduhan menulis buku yang didakwa mengandungi maklumat palsu itu, berkata dia berbuat demikian kerana beranggapan Anwar tidak boleh menjadi pemimpin negara ini.

"Saya bertanggungjawab mendedahkan keburukan peri laku Anwar. Bukan sahaja Anwar, mungkin ada yang lain-lain, jika terbabit peri laku sedemikian," katanya ketika disoal oleh peguamnya Saseedharan Menon.

Khalid Jafri, 59, dituduh dengan niat jahat menulis buku itu yang didakwa mengandungi bahan cerita palsu pada muka surat 29.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada Mei 1998 di Pejabat Media Pulau Lagenda, Nombor 27M, Jalan Kosas 1/3, Taman Kosas, Ampang, Selangor.

Khalid Jafri menghadapi tuduhan mengikut Seksyen 8A (1) Akta Mesin Cetak Dan Penerbitan 1984 yang membawa hukuman penjara maksimum tiga tahun atau denda RM20,000, atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Ketika ditanya tujuan dia menulis buku itu, Khalid Jafri berkata: "Saya telah berkhidmat sebagai wartawan, penulis, dan penerbit di bawah empat Perdana Menteri bermula daripada Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj hingga sekarang, saya tidak pernah menulis apa-apa artikel yang boleh memudaratkan negara dan kepentingan awam, jadi sebagai rakyat biasa, saya bertanggungjawab untuk mendedahkan peri laku pemimpin yang dianggap sebagai Khalifah Allah di muka bumi ini".

Terdahulu Khalid Jafri memberitahu mahkamah sebelum menulis buku tersebut pada 1998, dia telah menerima tiga pucuk surat yang diletakkan dalam satu sampul surat yang mengandungi beberapa maklumat mengenai peri laku Anwar.

"Surat pertama daripada adik Azmin Ali, Umi Hafilda Ali, yang kedua daripada bekas pemandu Anwar, Azizan Abu Bakar manakala yang ketiga adalah surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tidak ada nama penulisnya," katanya.

Khalid Jafri berkata dia kemudiannya mendapatkan pengesahan mengenai kandungan surat-surat itu melalui saudara Anwar iaitu Khairuddin Abu Hassan yang telah mendapatkan pengesahan daripada Umi Hafilda sendiri selain mendapati Umi Hafilda dan Azizan berhubung antara satu sama lain.

Menurutnya selain mendapatkan pengesahan tersebut, dia juga menjalankan penyiasatan sendiri ke atas beberapa orang selain mendapatkannya daripada sumber yang dipercayai.

Ditanya sama ada Umi Hafilda dan Azizan membantah kandungan surat-surat itu dalam buku 50 Dalil, Khalid Jafri berkata: "Tidak".

Perbicaraan di hadapan Hakim Mohamad Saman Mohd Ramli disambung pada 31 Okt ini.

-- BERNAMA

ZMN AHH LAT